

# UMS beri saingan sengit dalam Debat Diraja 2012

UB 22.02.2012 B4

**U**NIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) telah menghantar dua pasukan debat mengikut Kategori iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris masing-masing dengan pasukan senior dan junior.

Penyertaan UMS pada kali ini dianggap istimewa kerana UMS mempertaruhkan para pendebat muda yang berbakat besar untuk beraksi dalam pertandingan debat yang berprestij pada kali ini.

Seramai 16 orang pelajar UMS terlibat, Dr Yasmin Ooi Beng Houi selaku Hakim Kelas Tertinggi Madum bagi kategori bahasa Inggeris dan Rohani Hadi Selaku penyelaras pasukan Debat UMS telah terlibat sepanjang 11 hingga 16 Februari berkampung di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang selaku tuan rumah. Perasmian dan Malam Anugerah Madum dibuat pada 11 Februari di Dewan Tuanku Syed Putra, USM.

Membanggakan apabila pasukan Junior Debat Bahasa Melayu melonjakkan kedudukan ke-12 daripada 20 pasukan yang bertanding. Pasukan ini berjaya memperbaiki kedudukan dan meningkatkan mutu perdebatan.

Ini merupakan peluang besar yang diberikan kepada



## BARISAN PENDEBAT.

para pelajar dalam membina kemahiran insaniah di kalangan pelajar. Ianya selaras dengan misi Jabatan Hal Ehwal Pelajar sendiri.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni UMS, ACP (K/S) Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md Mansur mensasarkan lebih ramai para pendebat UMS dapat dilatih dan dididik demi untuk melahirkan modal insan kelas pertama.

Kapt (B) Darwis Awang juga selaku Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar memberikan sokongan penuh dalam pelbagai usaha ke arah memantapkan lagi pasukan debat UMS. Hal ini

kerana UMS pernah menjadi satu daripada pasukan debat yang begitu kuat dan digeruni pihak lawan suatu ketika dulu.

Pasukan Debat Bahasa Melayu Senior UMS sekadar berpuas hati pada kedudukan ke-15. Namun dari segi perlawanan saringan pasukan ini memberikan persembahan yang baik apabila menang empat kali daripada enam perlawanan.

Berdasarkan margin pasukan UMS tidak layak ke suku akhir. Walaubagaimanapun, pujian harus diberikan atas usaha memberikan saingan dan dari segi kulaiti perdebatan

yang di ditonjolkan. Pelajar UMS iaitu Mariane Anak Miga dan Zila Fauzi tampil dengan kedudukan ke-14 dan 16 daripada 80 orang para pendebat.

Pertandingan akhir menyaksikan Universiti Malaya bertemu pasukan tuan rumah USM dan UM mempamerkan persembahancemerlangdengan menguasai perlawanan.

Dr. Kasim turut hadir ke Pertandingan Akhir itu di Dewan Budaya USM, untuk memberikan sokongan moral kepada para pendebat UMS yang telah berjuang sepanjang Debat Diraja 2012 ini berlangsung.